

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2006

**PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP PERUMAHAN KEPADA
KONSTABEL, LANS KOPERAL DAN KOPERAL DALAM
PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan bagi meminda kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) kepada anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang berpangkat Konstabel, Lans Koperal dan Koperal.

LATAR BELAKANG

2. Kadar ITP semasa kepada PDRM telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1994. Kerajaan telah bersetuju untuk meminda kadar ITP kepada anggota polis berpangkat Konstabel, Lans Koperal dan Koperal selaras dengan pindaan syarat lantikan daripada lulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya.

PELAKSANAAN

3. Anggota Pasukan Polis DiRaja Malaysia berpangkat Konstabel, Lans Koperal dan Koperal layak menerima kadar baru ITP. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini **tidak meliputi** anggota Polis Tambahan dan Polis Orang Asli dengan pangkat yang sama.

Kadar Baru ITP

4. Kadar baru ITP adalah ditetapkan seperti berikut:

| Pangkat | Kadar ITP Sebulan (RM) | | | | | |
|-------------------------------------|------------------------|------------|---------|------------|--------------|------------|
| | Semenanjung | | Sarawak | | Sabah/Labuan | |
| | Semasa | Baru | Semasa | Baru | Semasa | Baru |
| Konstabel /Lans Koperal/ Koperal | 230 | 275 | 250 | 330 | 335 | 435 |

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**.


PINDAAN

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1994 yang berkaitan dengan kadar ITP bagi Konstabel, Lans Koperal dan Koperal adalah **dipinda** kecuali:

- (i) Bagi anggota yang tidak menerima tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baru melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003.

- (ii) Bagi Konstabel dengan kelulusan PMR/SRP yang memilih terima skim perkhidmatan yang baru melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 tetapi belum genap 6 (enam) tahun perkhidmatan pada 31 Disember 2003. ITP dengan kadar baru seperti perenggan 4 di atas dibayar apabila anggota mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau genap 6 (enam) tahun perkhidmatan di mana tempoh berkhidmat selama 6 (enam) tahun yang boleh dimasukkan hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

13 Disember 2006